

**MODUL
PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
SPM 2020**

**SKEMA
MPP3**

BAHASA MELAYU

Free download
[@soalanpercubaanspm](https://www.instagram.com/soalanpercubaanspm)

DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam modul ini
tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

KRITERIA PENSKORAN BAHAGIAN A

PERINGKAT	KRITERIA
<i>Cemerlang</i> 26-30 (28-30) (26-27)	<ul style="list-style-type: none"> Karangan menepati tugasan bahan rangsangan Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan tepat. Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik Idea relevan dengan tugasan bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas dan matang.
<i>Kepujian</i> 20-25 (23-25) (20-22)	<ul style="list-style-type: none"> Karangan menepati tugasan bahan rangsangan Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas. Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi. Idea relevan dengan tugasan bahan rangsangan dan diuraikan dengan jelas.
<i>Memuaskan</i> 15-19 (17-19) (15-16)	<ul style="list-style-type: none"> Karangan masih menepati tugasan bahan rangsangan. Bahasa masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum. Wacananya masih lengkap. Unsur bahasa masih bervariasi. Idea masih relevan dengan tugasan bahan rangsangan. Huraihan idea masih jelas.
<i>Kurang</i> <i>Menuaskan</i> 10-14 (12-14) (10-11)	<ul style="list-style-type: none"> Karangan masih/ kurang menepati tugasan bahan rangsangan. Bahasa kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat kesalahan ejaan yang ketara. Penggunaan kosa kata terhad. Wacana kurang lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi. Idea kurang relevan dengan tugasan bahan rangsangan dan huraiannya kurang jelas
<i>Pencapaian</i> <i>Minimum</i> 01-09 (06-09) (01-05)	<ul style="list-style-type: none"> Calon tidak menunjukkan penguasaan kemahiran menulis. Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat. Idea tidak menepati tugasan bahan rangsangan

Ungkapan menarik : peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat al-Quran, dan lain-lain.

Free download
@soalanpercubaanspm

KRITERIA PERSKORAN : BAHAGIAN B			
PERINGKAT	BAHASA	IDEA	PENGOLAH
CEMERLANG 80 – 100 (90 – 100) (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan pelbagai jenis kata yang luas dan tepat Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis Ejaan dan Tanda Baca betul Laras Bahasa sesuai dengan tugas Penggunaan Kosa Kata luas dan tepat Penggunaan unsur bahasa bervariasi Gaya Bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata, atau frasa Wacana lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan 	Idea yang relevan mengikut tugas, diuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai	Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai
	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan pelbagai jenis kata yang tepat Penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum Ejaan dan Tanda Baca betul Laras Bahasa sesuai dengan tugas Penggunaan Kosa Kata luas dan tepat Penggunaan unsur bahasa bervariasi Gaya Bahasa menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata, atau frasa Wacana lengkap & terdapat kesinambungan idea yg jelas antara perenggan 	Idea yang relevan mengikut tugas, diuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai	Pengolahan menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai
	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai Penggunaan ayat majmuk gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum Ejaan dan Tanda Baca masih betul Penggunaan kosa kata umum Laras Bahasa sesuai mengikut tugas Penggunaan unsur bahasa masih bervariasi Gaya Bahasa yang kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan Wacana masih lengkap 	Idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi masih jelas dan contoh masih sesuai	Pengolahan masih menarik dan pemerengganan masih sesuai
KEPUJIAN 66 – 79 * (73 – 79) (66 – 72)			
BAIK 51 – 65 (58 – 65) (51 – 57)	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan pelbagai jenis kata sesuai Ayat kurang gramatis Ejaan dan Tanda Baca masih betul Penggunaan kosa kata umum Laras Bahasa kurang sesuai Wacana masih / kurang lengkap Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi Gaya Bahasa yang kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan Wacana masih / kurang lengkap 	Idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai	Pengolahan masih menarik dan pemerengganan masih sesuai
MEMUASKAN 36 – 50 (43 – 50) (36 – 42)	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan pelbagai jenis kata terhad Ayat kurang gramatis Ejaan dan Tanda Baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum Penggunaan kosa kata umum dan terhad Laras Bahasa kurang sesuai Wacana masih / kurang lengkap Penggunaan unsur bahasa kurang bervariasi Gaya Bahasa kurang menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan Wacana masih / kurang lengkap 	Idea masih relevan mengikut tugas, huraian isi kurang jelas dan contoh kurang sesuai	Pengolahan kurang menarik
KURANG MEMUASKAN 21 – 35 (28 – 35) (21 – 27)	<ul style="list-style-type: none"> Penggunaan kata kurang tepat Ayat tidak gramatis tetapi masih difahami. Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara Unsur bahasa tidak bervariasi Gaya Bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang 	Idea masih relevan / idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai	Pengolahan tidak menarik
PENCAPOAIAN MINIMUM 01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"> Keseluruhannya menunjukkan penggunaan kata dan ayat yang tidak gramatis Terdapat kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara Gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik Keseluruhan karangan sukar / tidak difahami Wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai 	Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai	Pengolahan tidak menarik

Free download
@soalanpercubaanspm

GARIS PANDUAN KEPADA PEMERIKSA**MODUL PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
3/2020
BAHASA MELAYU****BAHAGIAN A**

Rajah di bawah menunjukkan sebahagian daripada ciri-ciri masyarakat penyayang. Huraikan pendapat anda tentang ciri-ciri masyarakat penyayang. Panjangnya huraiān hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

Diharapkan : Calon dapat menghuraikan isi/idea tentang **ciri-ciri masyarakat penyayang**.

Cadangan idea:

- Kasih sayang sesama manusia
- Sayang akan alam sekitar
- Menyayangi haiwan

**Free download
@soalanpercubaanspm**

BAHAGIAN B

1. Saban tahun kematangan jalan raya di negara kita dilaporkan semakin meningkat terutamanya menjelang musim perayaan .

Anda sebagai pengurus Kelab Keselamatan Jalan Raya di sekolah, diminta menulis sebuah rencana berkaitan punca-punca berlakunya kematangan jalan raya untuk dimuatkan dalam buletin kelab tersebut.

Diharapkan: Calon dapat menulis sebuah rencana berkaitan punca-punca berlakunya kematangan jalan raya untuk dimuatkan dalam buletin kelab tersebut.

Cadangan idea :

- Sikap permandu dan pengguna jalan raya
- Pemandu mabuk
- Keadaan fizikal jalan raya yang tidak sempurna/jalan licin
- Kerosakan kenderaan
- Memandu melebihi had laju yang ditetapkan
- Faktor cuaca
- Kenderaan tidak diselenggarakan mengikut jadual

*Terima mana-mana isi yang sesuai

2. Dalam institusi kekeluargaan, ibu bapa merupakan tunjang utama ke arah pembentukan keluarga bahagia.

Bincangkan peranan mereka dalam melahirkan keluarga yang bahagia.

Diharapkan: Calon dapat membincangkan peranan ibu bapa untuk membentuk sebuah keuarga yang bahagia.

Cadangan idea :

- sebagai suri teladan kepada anak-anak
- memberikan perhatian dan kasih sayang
- memberikan didikan agama dan moral
- menyelesaikan sesuatu masalah keluarga secara muhibah
- melengkapkan diri dengan dengan ilmu keibubapaan
- mengawasi perlakuan dan memantau kegiatan anak-anak
- memperuntukkan masa bersama ahli keluarga
- merancang aktiviti riadah dan rekreasi yang bersetujuan
- membawa ahli keluarga melancong
- menyediakan keperluan harian dan pembelajaran anak-anak
- memberi penghargaan kepada anak-anak

*Terima mana-mana isi yang sesuai

3. Permuafakatan dalam bidang pendidikan antara pihak sekolah, Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) dan komuniti setempat setempat sangat penting pada masa ini.

Nyatakan peranan-peranan yang boleh dimainkan oleh pihak-pihak terbabit dalam memastikan kecemerlangan murid-murid di sekolah.

Diharapkan : Calon dapat menghuraikan peranan yang boleh dimainkan oleh pihak sekolah, Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) dan komuniti setempat dalam memastikan kecemerlangan murid-murid sekolah.

Cadangan idea:

- Mengajurkan kursus/ kem motivasi untuk mewujudkan kesedaran dan meningkatkan keyakinan murid-murid ke arah kejayaan.
- Memberikan sumbangan dalam bentuk peralatan / kelengkapan sekolah.
- Menjemput pensyarah, guru-guru pakar/ cemerlang dan pemeriksa kertas untuk menyampaikan ceramah/ teknik menjawab peperiksaan.
- Menderma buku-buku ilmiah, buku latihan, pakaian dan sebagainya.
- Mengajurkan aktiviti/ program khidmat bantu yang mendorong kecemerlangan pembelajaran anak-anak
- Pihak sekolah mengadakan perjumpaan dengan ibu bapa untuk memberikan penjelasan tentang masalah pembelajaran anak-anak.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

Free download
@soalanpercubaanspm

4. Akhir-akhir ini, masalah pencemaran dan isu kemasuhanan alam sekitar semakin membimbangkan masyarakat dunia.

Bincangkan langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh negara-negara serantau bagi mengatasi masalah ini.

Diharapkan : Calon dapat membincangkan langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh negara-negara serantau bagi mengatasi masalah ini.

Cadangan idea:

- Perkongsian kepakaran/ teknologi
- Mewartakan undang-undang antarabangsa
- Menandatangani perjanjian/ MOU antara negara terlibat
- Bantuan kemanusiaan kepada negara yang terlibat
- Bantuan kewangan dan peralatan
- Kempen kesedaran/ pameran peringkat serantau

*Terima mana-mana isi yang sesuai

5. Nasihat dan amanat ibu jangan lupukan
Ringankan tulang bantu membantu sesama jiran

Gurindam di atas menggambarkan kepentingan hidup berjiran.

Huraikan inisiatif-inisiatif yang perlu dilaksanakan oleh pelbagai pihak dalam memupuk semangat kejiranan.

Diharapkan: Calon dapat menghuraikan inisiatif-inisiatif yang perlu dilaksanakan oleh pelbagai pihak dalam memupuk semangat kejiranan.

Cadangan idea:

- Ibu bapa menjadi suri teladan kepada anak-anak
- Ibu bapa menyemarakkan budaya ziarah-menziarahi
- Guru-guru menerapkan amalan murni hidup berjiran semasa PdPc
- Masyarakat mengadakan rumah terbuka pada musim perayaan
- Masyarakat mengadakan aktiviti kemasyarakatan
- Kerajaan menggalakkan rakyat melibatkan diri dalam aktiviti sosial yang melibatkan kejiranan
- Media massa mengadakan kempen kesedaran peri pentingnya semangat kejiranan

*Terima mana-mana isi yang sesuai

PANDUAN PEMARKAHAN TAMAT

Free download
@soalanpercubaanspm

**PERATURAN PEMARKAHAN
BAHASA MELAYU KERTAS 2 [1103/2]**

Markah penuh : 110 markah

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - 20 markah
 (b) Bahasa - 10 markah

- (a) **Isi [20 markah]**

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikenali sebagai satu perkataan:

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja sebelum diperiksa.

- (iii) Periksa jawapan calon setakat 120 patah perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah										Markah
(i) Pendahuluan											2
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		16
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4		
(iv) Penutup/Kesimpulan											2
	Jumlah Markah										20

**Free download
@soalanpercubaanspm**

Soalan 1 : Rumusan**Pendahuluan:**

- P1 Petikan membincangkan kepentingan-kepentingan / kebaikan-kebaikan / faedah-faedah / sarapan dalam kalangan masyarakat. 2
- P2 Rumusan membincangkan kepentingan-kepentingan / kebaikan-kebaikan / faedah-faedah sarapan dan punca-punca masyarakat tidak mengamalkan sarapan. 2
- P3 Rumusan membincangkan kepentingan-kepentingan / kebaikan-kebaikan / faedah-faedah / sarapan dan kesan-kesan masyarakat tidak mengambil sarapan. 2
- P4 Petikan membincangkan kepentingan-kepentingan / kebaikan-kebaikan / faedah-faedah / sarapan dan punca-punca masyarakat tidak mengamalkan sarapan. 1
- P5 Petikan / rumusan membincangkan kepentingan-kepentingan / kebaikan-kebaikan / faedah-faedah / sarapan. 1
- P6 Petikan / rumusan membincangkan manfaat-manfaat sarapan. 0

Isi-isi tersurat (Manfaat sarapan untuk mencegah penyakit dalam kalangan masyarakat) [4 hingga 12 markah]

- S1 pemula aktif bagi metabolisme untuk membantu membakar kalori di dalam.
- S2 dapat membekalkan tenaga dan nutrien yang diperlukan oleh badan untuk melakukan urusan sehari-hari
- S3 membantu seseorang itu untuk fokus di tempat kerja atau sekolah
- S4 mampu meningkatkan ingatan dan tumpuan seseorang
- S5 dapat menurunkan tahap kolesterol jahat,
- S6 sarapan juga dapat mengurangkan risiko penyakit kronik.
- S7 mampu menolong orang yang mahu menurunkan berat badan
- S8 metabolisme badan dan komposisi kolesterol di dalam darah dapat dioptimumkan.

Isi-isi tersirat (Punca-punca masyarakat tidak mengamalkan sarapan) [4 hingga 12 markah]

- T1 Masyarakat yang sibuk bekerja
- T2 Budaya masyarakat yang tidak mengamalkan sarapan
- T3 Ibu bapa tidak menitikberatkan / tidak menyediakan sarapan kepada ahli keluarga
- T4 Kesuntukan masa
- T5 Bangun lewat pada waktu pagi
- T6 Sikap masyarakat yang malas bersarapan
- T7 Alahan / penyakit / tidak berselera untuk bersarapan

Kesimpulan:

1. Kesimpulannya, setiap lapisan masyarakat disarankan mengambil sarapan agar terus kekal sihat dan kualiti hidup terjamin [2 markah]
2. Kesimpulannya, setiap lapisan masyarakat disarankan mengambil sarapan. [1 markah]

**Free download
@soalanpercubaanspm**

SULIT**(b) Bahasa [10 markah]**

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 - 20 15 - 17	9 - 10 7 - 9	<ul style="list-style-type: none"> - Kesinambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik - Kosa kata luas - Tanda bacaan/ejaan betul
Sederhana	12 - 14 8 - 11	6 - 7 4 - 6	<ul style="list-style-type: none"> - Kesinambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan - Kosa kata masih memuaskan - Tanda bacaan/ejaan juga memuaskan
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> - Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/tidak memuaskan

Nota

- (i) Jika bahasanya agak baik, tambah 1 markah lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, tolak 1 markah.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demikian perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 patah perkataan, berikan 0 markah.
- (iv) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, **markah tidak dipotong**.
[Markah bahasa maksimum : 10 markah]

Free download
[@soalanpercubaanspm](http://soalanpercubaanspm.com)

{Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 2

Markah penuh 35 markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a)	:	9 markah
Soalan 2(b)	:	9 markah
Soalan 2(c)	:	8 markah
Soalan 2 (d)	:	9 markah

Perhatian bagi Soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap/sempurna.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

i. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

ii. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugasan dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
- Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	0

iii. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugasan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugasan, ayat gramatis	0

Soalan 2(a) : Petikan Umum(i) Maksud rangkai kata *amalan rutin*

- Perlakuan/ perbuatan biasa
- Perlakuan/ perbuatan rutin
- Amalan biasa

2

1

1

[Maksimum 2 markah]

(ii) Kesan tidak mengamalkan sarapan

P1 meningkatkan kandungan gula di dalam darah secara mendadak

P2 menyebabkan penyakit seperti diabetes

P3 tekanan darah tinggi

P4 paras kolesterol yang tinggi seterusnya meningkatkan risiko serangan jantung.
Mendapat penyakit termasuk obesiti.**[Maksimum 3 markah]****[Isi cukup : 2 isi]**

(iii) Peranan ibu bapa dalam menggalakkan amalan sarapan dalam keluarga

P1 Ibu bapa menyediakan sarapan kepada keluarga

P2 Ibu bapa bersarapan bersama-sama sebelum memulakan aktiviti harian

P3 Ibu bapa menerangkan kelebihan sarapan kepada ahli keluarga

P4 Ibu bapa membekalkan sarapan kepada anak-anak yang masih bersekolah

P5 Ibu bapa memastikan anak-anak mengambil sarapan

P6 Ibu bapa mempelbagaikan menu sarapan

P7 Ibu bapa dan anak-anak bersama-sama menyediakan sarapan

[Maksimum 4 markah]**[Isi cukup : 3 isi]****Soalan 2 (b) – Petikan Cerpen****PERATURAN PEMARKAHAN**

(i) Lokasi tempat tinggal mengikut kaum

P1 - kaum Cina di bandar-bandar besar

P2 - kaum Melayu di kampung-kampung tradisional di luar bandar

P3 - kaum India di ladang-ladang dan estet

Maksimum: 2 markah**Isi cukup: 2 isi**

(ii) Cara pihak sekolah dapat merapatkan jurang perkauman antara murid yang berbilang kaum di sekolah,

P1 Meneimatkan murid yang berbilang kaum di dalam kelas yang sama

P2 Murid berbilang kaum dilibatkan dalam semua aktiviti di sekolah

P3 Menerapkan perasaan saling menghormati antara murid berbilang kaum melalui semua mata pelajaran

P4 Unit bimbingan dan Kaunseling mengatur pelbagai program berbentuk perpaduan nasional

P5 Mengadakan aktiviti kokurikulum yang melibatkan murid berbilang kaum

[Lihat halaman sebelah]

Maksimum: 3 markah
Isi cukup: 2 isi

- (iii) **Persoalan dalam petikan**
- P1 Persoalan pecah dan perintah oleh penjajah. Pihak penjajah mengasing-asingkan petempatan dan ekonomi tiga kaum.
- P2 Persoalan sentimen perkauman akibat perbezaan fahaman, bahasa dan budaya. Misalnya, berlaku pertumpahan darah dan kematian pada awal kemerdekaan negara.
- P3 Persoalan kerjaya yang berbeza mengikut lokasi petempatan penduduk. Misalnya, kaum Cina di bandar-bandar besar sebagai peniaga atau pelombong bijih timah. Kaum Melayu di kampung-kampung tradisional sebagai nelayan dan pesawah. Kaum India pula, sebagai buruh di ladang-ladang atau estet.

Maksimum: 2 markah
Isi cukup: 1 isi+1 huraian

Persoalan dalam keseluruhan prosa

- K1 Persoalan ketiauan anak terhadap seorang ibu. Contohnya, penulis patuh akan nasihat ibunya supaya memenuhi dada dengan ilmu pengetahuan sebelum berhijrah ke bandar.
- K2 Persoalan keruntuhan moral remaja di kota. Misalnya, penulis menyaksikan kehidupan anak muda kota yang bebas bergaul antara lelaki dan perempuan.
- K3 Persoalan penggunaan bahasa pasar atau bahasa rojak oleh remaja di kota. Misalnya, remaja di kota menuturkan bahasa ciptaan mereka yang sukar difahami.
- K4 Persoalan kasih sayang seorang ibu terhadap anak. Contohnya, ibu penulis menasihati penulis agar membuat persediaan yang cukup sebelum ke kota agar anaknya tidak terpengaruh dengan gaya hidup yang bebas di kota.

Maksimum: 2 markah
Isi cukup: 1 isi+1 huraian

Soalan 2(c) : Petikan Prosa Tradisional

- (i) Maksud rangkai kata *kelakuannya gila-gila bahasa*
 perbuatannya / perwatakan / tindakannya kurang / tidak berapa waras. 2
 kelakuannya / kurang waras / tidak berapa waras. 1
 perbuatannya/ perwatakannya / tindakannya gila-gila bahasa. 1

Markah maksimum: [2 markah]
Isi cukup :[2 isi]

- (ii) Tindakan yang dilakukan oleh Tun Umar
 P1 Menaiki perahu yang berayun-ayun/bergoyang-goyang/oleng-oleng
 P2 Melanggar dua tiga buah perahu orang Siam sehingga alah.
 P3 Apabila dia pergi ke sebelah, perahu-perahu Siam tersebut terbalik.
 P4 Melanggar pulu perahu-perahu yang lain sehingga dua tiga buah perahu dikalahkannya.

Markah maksimum : [3 markah]
Isi cukup : [2 isi]

- (iii) Usaha-usaha
 P1 Memperkuat sistem pertahanan negara.
 P2 Menjalankan hubungan diplomatik dengan negara Siam.
 P3 Meningkatkan hubungan dengan kuasa-kuasa yang lebih besar seperti China, Jepun, Britain dan Amerika Syarikat.
 P4 Menjadikan Siam rakan dagang terbesar Melaka
 P5 Ikatan perkahwinan anak-anak raja / pembesar Melaka dengan anak-anak raja / pembesar negara Siam.

Markah maksimum : [3 markah]
Isi cukup : [2 isi]

Soalan 2 (d) – Sajak

(i)	Maksud rangkai kata kian mengikuti	Markah
	- Semakin menghampiri / menuruti / mendekati	2
	- Kian mendekati / menuruti / menghampiri	1

[Maksimum 2 markah]

- (ii) ~~Langkah-langkah yang bolch anda lakukan sebagai pelajar, untuk berbakti kepada ibu bapa~~

- ~~P1 Belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan dalam akademik~~
- ~~P2 Memelihara dan menjaga tingkah laku/disiplin~~
- ~~P3 Membantu/menolong ibu bapa melakukan kerja-kerja rumah~~
- ~~P4 Meraikan hari jadi/yang penting dalam kehidupan ibu bapa~~
- ~~P5 Menjaga nama baik/ maruah ibu bapa/keluarga di mata masyarakat~~
- ~~P6 Belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan dalam akademik~~
- ~~P7 Sentiasa patuh / morendah diri / mengutamakan ibu bapa~~

[Maksimum 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii)	Pengajaran dalam sajak	Markah
-------	-------------------------------	---------------

- P1 **Kita hendaklah menginsafi kesalahan kita yang lalu.** Contohnya, penyajak menginsafi segala dosanya yang lalu. 1+1
- P2 **Kita hendaklah gigih memohon keampunan.** Contohnya, penyajak gigih dan bersungguh-sungguh untuk mendapatkan keampunan sebelum ajalnya tiba. 1+1
- P3 **Kita hendaklah ikhlas dalam bertaubat.** Contohnya, penyajak bertaubat dengan penuh keikhlasan sehingga menitiskan air mata. 1+1
- P4 **Kita mestilah taat kepada perintah Tuhan.** Contohnya, penyajak taat kepada Pencipta dan hanya berharap kepada pengampunan daripada Pencipta. 1+1
- P5 **Kita mestilah mempunyai kesedaran dalam diri.** Contohnya, penyajak mempunyai kesedaran bahawa dunia ini sementara sahaja. 1+1

[Maksimum 4 markah]

- ii) Anda mengetahui bahawa sahabat baik anda terlibat dalam masalah disiplin di sekolah telah insaf dan ingin kembali ke pangkal jalan.
Pada pendapat anda, apakah tindakan yang perlu anda lakukan untuk membantu sahabat anda itu?

Cadangan skema;

- P1 – menasihatinya supaya meneruskan niat baiknya itu / tekal dengan niat untuk berubah
- P2 – membawanya berjumpa kaunselor
- P3 – memberikan kata-kata semangat kepadanya
- P4 – mengajaknya menghadiri majlis keagamaan / sentiasa mendekatkan diri dengan Tuhan
- P5 - memintanya melupakan segala kesilapan yang lalu / memintanya bertaubat atau tidak mengulangi kesilapan lalu
- P6 - memintanya supaya tidak mudah terpengaruh dengan rakan yang negatif
- P7 – memberitahu ibu bapa rakan tentang anak mereka

[Lihat halaman sebelah
SULIT]

SOALAN 3

Markah penuh 30 markah dibahagikan kepada:

- Soalan 3 (a) : 6 markah
- Soalan 3 (b) : 6 markah
- Soalan 3 (c) : 6 markah
- Soalan 3 (d) : 6 markah
- Soalan 3 (e) : 6 markah

Perhatian bagi soalan 3 (a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan/jalan bahasa/tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Frasa digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Frasa digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambah imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak $\frac{1}{2}$ markah.

Jawapan 3(a)

- | | | |
|--------------|---|---|
| (i) rendang | - | i. banyak daun dan cabangnya (bkn pokok); rim bun: Mereka berteduh di bawah pokok ceri yg ~ di tepi padang |
| | | ii. sejenis lauk yang dibuat daripada daging dll yang dirempah-rempahi (dibubuh santan dan dimasak sampai kering) |
| (ii) selak | - | i. menyelak |
| | | 1. menarik tudung sesuatu supaya terbuka; menyingkap: Dia ~ kainnya utk menunjukkan bisul di betisnya. |
| | | 2. membuka halaman buku; menyebak buku. |
| | | ii. Sejenis kayu palang untuk mengunci pintu |
| | | iii. Tidak boleh bernafas, pengsan |
| (iii) perang | - | i. Warna merah kehitam-hitaman |
| | | ii. Perkelahian dengan menggunakan senjata antara negeri dengan negeri |

[Maksimum : 6 markah]

**Free download
@soalanpercubaanspm**

[Lihat halaman sebelah]

Jawapan 3 (b)

- (i) 1. Danial meletakkan baju kotor itu ke dalam bakul di hadapan biliknya.
2. Danial pulang dari sekolah.
- (ii) 1. Afeeqah menjalankan perniagaan pakaian di premis perniagaan milik datuknya.
2. Afeeqah menjalankan perniagaan kosmetik di premis perniagaan milik datuknya.
- (iii) 1. Simon bekerja sebagai pembantu di kedai makan.
2. Simon membantu menambahkan pendapatan keluarganya.

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3 (c)

- | | | |
|--------------------|---|----------------|
| (i) rebet | - | rebат |
| diringangkan | - | meringangkan |
| (ii) matapelajaran | - | mata pelajaran |
| dijajah | - | penjajahan |
| (iii) menggalakan | - | menggalakkan |
| disekolah | - | di sekolah |

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3 (d)

- | | | |
|------------------------------|---|-----------------------------------|
| (i) tanah pecah | - | pecah tanah |
| selebar | - | seluas |
| (ii) intensif | - | insentif |
| semua pelajar-pelajar | - | semua pelajar / pelajar-pelajar |
| (iii) paling dikenali sekali | - | paling dikenali / dikenali sekali |
| berhemah | - | berhemat |

[Maksimum : 6 markah]

Jawapan 3 (e) Peribahasa

- (i) bagi pinang dibelah dua / bagi cincin dengan permata
(ii) sehari selembar benang lama-lama menjadi kain
(iii) Bagai ikan pulang ke lubuk / bagai belut pulang ke lumpur / Setinggi-tinggi terbangnya bangau, akhirnya hinggap di belakang kerbau

[Maksimum : 6 markah]

Free download
@soalanpercubaanspm

[Lihat halaman sebelah]

SKEMA PEMARKAHAN**Soalan 4**

[15 Markah]

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4

4(a)

- (i) Jawapan hendaklah berdasarkan **sebuah** daripada novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (iii) Berikan 1 markah untuk pernyataan keistimewaan watak utama yang lengkap/jelas.
- (iv) Berikan 1 markah untuk setiap penjelasan sebab / alasan perasaan kagum yang lengkap/jelas.
- (v) Markah isi maksimum 4 markah.
- (vi) Markah bahasa maksimum 3 markah.

[Maksimum : 7 markah]

4 (b)

- (i) Jawapan hendaklah berdasarkan **dua buah** novel yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (iii) Berikan 1 markah untuk pernyataan kewajaran pengarang mengakhiri cerita yang lengkap / jelas.
- (iv) Berikan 2 markah untuk huraian kewajaran pengarang mengakhiri cerita yang lengkap / jelas.
- (v) Markah isi maksimum 6 markah.
- (vi) Markah bahasa maksimum 2 markah.

[Maksimum : 8 markah]

Free download
@soalanpercubaanspm

- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan dua nilai kasih sayang yang terdapat dalam novel tersebut.

Novel Pantai Kasih

- **Kasih sayang akan / kepada insan yang malang.**
Doktor Raiha melakukan pembedahan ke atas Unong Siron dan merawatnya dengan sempurna demi masa depan gadis yang malang itu. Doktor Raiha sering memeriksa Unong Siron setelah menjalani pembedahan bagi memastikan tahap kesihatan gadis itu memuaskan.
- **Kasih sayang akan anak sendiri.**
Ayah Doktor Raiha menasihati Raiha supaya tidak menjadi pakar bedah kerana berpendapat bidang tersebut tidak sesuai untuk perempuan. Ayah Doktor Raiha juga menasihatinya supaya tidak berkahwin dengan Doktor Sadiz kerana sifatnya yang angkuh dan tidak sesuai dengan Doktor Raiha. Ayah Raiha tidak mahu Doktor Raiha menghadapi masalah pada kemudian hari.
- **Kasih sayang akan anak walaupun mereka tidak normal.**
Doktor Raiha amat menyayangi anak perempuannya, Rohayu yang merupakan seorang anak istirwewa kerana menghidap sindrom down. Doktor Raiha tidak mahu menghantar Rohayu ke pusat rawatan kanak-kanak istimewa kerana mahu menjaga sendiri anaknya. Ibu Inong Siron menghantar anaknya ke PRPK dengan harapan dia mendapat rawatan terbaik.
- **Kasih sayang akan rakan sekerta.**
Doktor Raiha menumpangkan Felicia Landosi ketika Felicia masih belum memiliki kenderaan sendiri dan sedia memaafkan kesalahan Felicia yang terlibat dalam tragedi kematian Ayu. Doktor Raiha selalu menasihati Felicia Landosi yang sering bertindak secara tidak rasional kerana tertekan akibat pelbagai masalah peribadi.

Novel Bimasakti Menari

- **Kasih sayang akan anak sendiri.**
Tan Sri Muhammin telah membesarakan anak tunggalnya iaitu Muhammad Taufik dengan memenuhi segala keperluan anaknya itu walaupun dia seorang bapa tunggal.
Haji Yassir sanggup menghantar anaknya Nurul Hafsa ke Kampung Kuantan untuk mencrap kelip-kelip supaya anaknya tidak mengalami masalah untuk pergi ke tempat tersebut.
Tan Sri Muhammin dan Puan Maryam Wickham menyokong usaha Muhammad Taufik melestarikan alam sekitar seperti mengekalkan populasi kelip-kelip dan membina rumah prototaip mesra alam, iaitu Ikhtiar Teknoalam
- **Kasih sayang akan ibu bapa.**
Muhammad Taufik berusaha menyatakan ibu bapanya kembali yang lama berpisah. Nurul Hafsa pula akan membina sebuah stor untuk ayahnya menyimpan peralatan berkebun supaya tidak dicuri orang.
- **Kasih sayang akan rakaun yang ditimpah muslah.**
Budiman dan Nurul Hafsa bergegas mencari Muhammad Taufik yang ditimpah kemalangan setelah diserang selepas menuaikan solat isyak. Mereka menemui Muhammad Taufik dalam keadaan berlumuran darah pada bahagian rusuknya dan menghantarnya ke Hospital Tanjung Karang setelah ambulans tiba.
Muhammad Taufik sanggup memenuhi arahan kumpulan penjenayah untuk bertemu di stesen minyak PETRONAS semata-mata untuk menyelamatkan sahabatnya Nurul Hafsa kerana tidak mahu keselamatan Nurul Hafsa terancam.
- **Kasih sayang akan ahli keluarga.**
Budiman sentiasa menjaga kebijakan adiknya, Nurul Hafsa dengan mendengar perasaan tidak puas hati Nurul Hafsa tentang keadaan langit di Kuala Selangor yang mengalami pencemaran cahaya dan menemani Nurul Hafsa yang ingin bertemu dengan Muhammad Taufik bagi mengemukakan cadangan kepada pihak berkuasa berkaitan masalah tersebut.

(Nilai kasih sayang lain diterima)

Free download
@soalanpercubaanspm

Pantai Kasih karya Azmah Nordin

- Pengakhiran cerita adalah wajar. Alasan:
- Doktor Uwang terlibat dalam kemałangan dan dihantui oleh kesalahannya yang lalu. Doktor Raiha melakukan pembedahan terhadap Doktor Uwang yang cedera teruk walaupun dia tahu yang Doktor Uwang bukanlah seorang ketua dan majikan yang baik.

Peristiwa ini wajar kerana Doktor Uwang telah menerima pembalasan atas sikapnya yang mementingkan diri sendiri. Selain itu, kita juga perlu membantu orang lain walaupun tidak sependedapat dengan mereka.

- Suster Felicia Landosi memohon maaf daripada Doktor Raiha atas penglibatan dirinya menjadi budak suruhan membeli minyak petrol oleh Doktor Sadiz pada malam kematian anak perempuannya itu.

Peristiwa ini wajar kerana Felicia berani mengakui kesalahan diri sehingga punca sebenar kematian Rohayu terungkai.

- Doktor Raiha memaafkan kesalahan Felicia atas penglibatannya dalam kebakaran kereta Doktor Sadiz sehingga anak kesayangannya terkorban.

Peristiwa ini wajar kerana kita perlu memaafkan kesalahan orang lain agar diri kita dan orang tersebut mendapat ketenangan hidup.

- Doktor Raiha menerima semua takdir yang berlaku dan menyatakan bahawa dirinya dan Felicia menjadi mangsa keadaan.

Peristiwa ini wajar kerana kita perlu reda menerima takdir Tuhan dan perlu memulakan sejarah baru dalam meneruskan kehidupan.

Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop

- Pengakhiran cerita adalah wajar. Alasan:
- Tan Sri Muhamimin bermkah kali kedua dengan bekas isterinya, Puan Maryam Wickham Abdullah.

Peristiwa ini amat wajar kerana doa Muhammad Taufik selama ini dimakbulkan oleh Tuhan. Penikahan kali kedua ini akan memberikan harapan baharu kepada keluarga Tan Sri Muhamimin.

- Tan Sri Muhamimin mengadakan kenduri kesyukuran di Masjid Jamik Sultan Ibrahim Kuala Selangor kerana anak dan isterinya telah kembali ke pangkuannya.

Peristiwa ini wajar kerana kita perlu bersyukur kepada Tuhan apabila masalah yang kita hadapi diberikan jalan keluar oleh Allah.

- Dato' Johann Arlington-Majid, musuh perniagaan dan peribadi Tan Sri Muhamimin bakal menghadapi pengadilan.

Peristiwa ini dikatakan wajar kerana kesalahan yang dilakukan oleh seseorang mestilah diambil tindakan untuk dijadikan teladan.

Free download
@soalanpercubaanspm

- Muhammad Taufik melamar Nurul Hafsa sebagai isterinya.

Peristiwa ini wajar kerana Nurul Hafsa memang serasi dengan Muhammad Taufik. Mereka mempunyai wawasan yang sama, saling mengenali dan menghadapi suka duka bersama dalam usaha melestarikan alam sekitar.

- Nurul Hafsa menerima mesej daripada Muhaminad Taufik yang menyatakan mereka ialah kelip-kelip yang terakhir di dunia.

Peristiwa ini wajar kerana Muhammad Taufik dan Nurul Hafsa boleh diibaratkan sepasang remaja pencinta alam yang menjadi cahaya dan harapan dalam mengembalikan kegelapan langit dan pengekalan habitat kelip-kelip di Kuala Selangor.

-PANDUAN PEMERIKSAAN TAMAT-

Free download
@soalanpercubaanspm

[Lihat halaman sebelah
SULIT]